

26 FEB 1999

MAHATHIR-SIKAP

PEMULIHAN EKONOMI PERLUKAN KEFAHAMAN, SIKAP YANG BETUL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata faktor untuk pemulihan ekonomi sudah ada dan apa yang diperlukan sekarang adalah kefahaman dan sikap yang sesuai oleh rakyat.

Mentaliti yang kononnya kegawatan dan kemelesetan ekonomi disebabkan oleh "kesalahan kita" menyukarkan pemulihan ekonomi negara, katanya.

"Orang asing tertentu menuduh bahawa kegawatan ekonomi disebabkan oleh amalan kronisme dan nepotisme di Malaysia.

"Sebenarnya tuduhan ini dibuat untuk melindungi kesalahan pedagang matawang yang telah menyalah guna kemudahan pasaran terbuka untuk meraih keuntungan besar bagi diri mereka," katanya ketika merasmikan bangunan Suruhanjaya Sekuriti (SC) di Bukit Kiara dekat sini hari ini.

Dr Mahathir berkata amat malang sekali ada rakyat yang semua mendapat nikmat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat turut menyahut tuduhan ini.

Pihak asing yang gagal memiliki bank dan perniagaan kita melalui penswastaan telah bertindak menyerang matawang dan pasaran negara supaya "syarikat dan bank kita menjadi lemah dan bankrap."

"Mereka ini berharap kita akan terpaksa menjual segala-galanya dengan harga yang murah dan mereka mendapat keuntungan yang besar dan menguasai ekonomi.

"Dakwaan mereka bahawa mereka ingin mendisplinkan kerajaan kita menghapuskan kronisme, nepotisme adalah cerita dongeng," katanya.

Mengenai pasaran saham, beliau berkata, kegiatan mengambil untung terlalu awal menghalang kenaikan indeks, menyukarkan pemulihan perniagaan, melambatkan ekonomi dan seterusnya menyebabkan kerajaan mengalami masalah kewangan.

"Harga saham di pasaran saham memang akan naik turun tetapi pergerakan harga saham hendaklah ada kaitan dengan aset dan prestasi perniagaan syarikat," katanya.

Katanya, penjualan mendadak oleh pelabur asing yang melabur untuk keuntungan modal semata-mata akan mendatangkan masalah besar kepada kita.

Bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan untuk melonggarkan syarat pelaburan dalam pasaran oleh pelabur asing, katanya.

Dr Mahathir berkata levi 10 peratus atas keuntungan yang dibawa keluar dari negara telah dikenakan baru-baru ini bagi menggantikan sekatan membawa keluar modal sebelum genap setahun.

Katanya, levi ini adalah berpatutan dan adil kerana pelabur asing diberi peluang untuk mencari keuntungan daripada pelaburan dalam pasaran saham tempatan tanpa membayar cukai keuntungan modal.

Beliau berkata levi 10 peratus ini amatlah kecil berbanding cukai keuntungan modal jika ianya dikenakan.

"Kita harus ingat bahawa pembukaan pasaran saham kita kepada pelabur asing mendedahkan kita kepada risiko serangan yang lebih merugikan negara," tambahnya.

Menyentuh mengenai peranan SC dalam industri sekuriti negara, Dr Mahathir berkata penyeliaan oleh suruhanjaya itu perlu tegas tetapi tidak terlalu ketat sehingga merugikan syarikat-syarikat yang memohon untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Kajian yang tidak berfaedah yang melambatkan penyenaian akan merugikan syarikat dan menambahkan kos. SC perlu prihatin dan memperoleh kecekapan dalam membuat penilaian terhadap permohonan penyenaian,"

katanya.

-- BERNAMA

AD RIZ MA